

UPM sokong penuh transformasi majukan inovasi

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Universiti Putra Malaysia (UPM) menyokong penuh agenda transformasi negara dalam usaha membudayakan amalan kualiti, kreativiti dan inovasi perkhidmatan bagi setiap peringkat serta jabatan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, ini kerana inovasi dan kreativiti merupakan pelonjak utama dalam memacu kerajaan ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, sebagai salah sebuah universiti penyelidikan, UPM sentiasa mengutamakan bidang penyelidikan dalam menghasilkan produk, perkhidmatan dan inovasi bagi memastikannya dapat dikembangkan ke peringkat lebih tinggi.

Katanya, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) 2016-2020, kerajaan juga telah menggariskan penjana kekayaan melalui inovasi sebagai salah satu elemen penting yang akan diketengahkan.

“Maka dengan itu, kami di peringkat universiti akan sentiasa

mempertingkatkan usaha dan menyokong ke arah membudayakan inovasi dalam persekitaran sebagai pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan melibatkan kakitangan di setiap jabatan.

“Pada masa kini, inovasi dan penyelidikan baharu bukan semata-mata datang daripada ahli akademik dan para penyelidik namun saya lihat, skopnya lebih besar apabila penglibatannya pula terbuka kepada kakitangan pentadbir, golongan pelaksana universiti dan sebagainya bagi membantu menghasilkan produk-produk tempatan yang berkualiti tinggi sekali gus mampu dikomersialkan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Datuk Dr. Mad. Nasir Shamsudin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila dan

Pengerusi Jawatankuasa HKIP, Datuk Wan Azman Wan Omar di sini hari ini.

Pelaksanaan HKIP merupakan usaha untuk menggalakkan pembentukan budaya fikir yang kreatif dan inovasi dalam kalangan kakitangan UPM.

HKIP kali ini menampilkan tujuh anugerah antaranya Anugerah Tema HKIP, Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S, Anugerah Pengurusan Lean, Anugerah Idea Inovasi (Idea-Q), Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.

Menurut Mohd. Fauzi, sumbangan inovasi dalam penyelidikan dilihat merupakan salah satu elemen penting dan berupaya dalam meningkatkan dan memperbaiki kedudukan universiti ke peringkat lebih tinggi.

“Saya berharap semua pihak di universiti akan turut sama meneruskan usaha dan komited untuk menyediakan lebih banyak inovasi dan penyelidikan yang boleh mengangkat nama UPM sekali gus memberi kejayaan serta impak kepada universiti,” katanya.



DR. MOHD.FAUZI RAMLAN (tengah) bersama Wan Azman Wan Omar (kiri) melihat pokok yang ditanam menggunakan teknologi tanaman hidroponik ketika melawat pameran sempena sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan di UPM, Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN